

STRATEGI PENGKADERAN SUKARELAWAN MASJID BAGI PEMERKASAAN DAKWAH KOMUNITI

Mariam Abd. Majid,¹ Muhammad Aizat Syimir Rozani,¹ Syarul Azman Shaharuddin,
¹ Syaripah Nazirah Syed Ager, ² Zulkefli Hj Aini, ³ Muhamed Yusof, ⁴ Hajar Opir, ⁵
Nur Mohammad Hadi Zahalan, ⁶ Nurulbahiah Awang, ⁷ Norun Najjah Ahmat, ⁹
Muhamad Hanapi Jamaludin, ¹⁰ & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Poa ³

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Syariah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

³ Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁴ Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

⁶ Al Bayan Global

⁷ Jabatan Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Pendidikan Berterusan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

⁹ Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, UTeM.

¹⁰ Presiden, Benevolent Malaysia.

Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: mariam@kuis.edu.my.

Abstrak

Keperluan golongan sukarelawan dalam memperkasa usaha dakwah dalam komuniti tidak dapat dinafikan. Penglibatan komuniti sebagai sukarelawan penting bagi merealisasikan fungsi institusi masjid sebagai pusat pengembangan spiritual dan sosial dalam komuniti. Namun usaha ini berhadapan dengan cabaran kekurangan sukarelawan masjid secara sepuh masa dan terlatih. Artikel ini bertujuan mengemukakan strategi pengkaderan sukarelawan masjid bagi pemerkasaan usaha dakwah dalam komuniti. Kajian ini berbentuk kualitatif mengguna pakai reka bentuk pembangunan yang dilaksanakan menerusi tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa pembentukan dan fasa penilaian. Dapatan kajian menghasilkan lima belas (15) strategi pengkaderan sukarelawan meliputi keahlian, program pengkaderan dan latihan. Strategi pengkaderan ini perlu menjadi fokus penting institusi

masjid bagi meningkatkan keterlibatan dan kompetensi sukarelawan masjid menjadi agen perubahan dalam komuniti..

Kata kunci: Strategi Pengkaderan, Sukarelawan Masjid, Pemerkasaan Dakwah Komuniti

(MOSQUE VOLUNTEER CALIBRATION STRATEGY FOR THE EMPOWERMENT DAKWAH IN COMMUNITY)

Abstract

The needs of volunteers in empowering dakwah efforts in the community are undeniable. Community involvement as volunteers is important to realize the function of mosque institutions as a centre for spiritual and social development in the community. But this effort is faced with the challenge of a shortage of full-time and well-trained mosque volunteers. This article aims to present a strategy for the calibration of mosque volunteers for the empowerment of dakwah efforts in the community. This study is qualitatively adopted development design which is implemented through three phases, namely the need analysis phase, the formation phase and the evaluation phase. The findings of the study resulted in fifteen (15) volunteer calibration strategies covering membership, calibration programmes and training. This strategy needs to be an important focus of the mosque institution to increase the involvement and competency of mosque volunteers to be agents of change in the community

Keywords: *Calibration Strategy, Mosque Volunteering, Community Dakwah Empowerment*

Received: Oct 26, 2023

Accepted: Dec 11, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

1. Pendahuluan

Sukarelawan adalah individu atau kumpulan yang secara rela dan sukarela menyumbangkan masa, tenaga, atau kebolehan mereka untuk membantu masyarakat atau usaha kemanusiaan tanpa mengharapkan bayaran atau ganjaran material (Tuan Pah Rokiah dan Lilah, 2016). Golongan sukarelawan menyumbang khidmat dengan niat yang ikhlas untuk memberi manfaat kepada orang lain serta menjalankan kerja-kerja amal. Menurut Siti Nathrah dan Fuziah (2020), individu yang menjalankan kerja sukarela bertujuan menzahirkan sifat kemanusiaan dan nilai-nilai murni yang terdapat dalam diri.

Para sukarelawan berperanan penting dalam pembangunan masyarakat serta menjadi tulang belakang untuk mencapai matlamat-matlamat sosial, kemanusiaan, atau alam sekitar. Budaya kesukarelawan berupaya membentuk perpaduan negara dalam mendepani persekitaran global yang mencabar khususnya bagi negara yang berbilang kaum, budaya dan agama seperti Malaysia (Syafiq Sham et. al, 2021). Golongan sukarelawan menyumbang waktu dan tenaga mereka tanpa mengharapkan ganjaran material, yang memberi manfaat

dalam pelbagai aspek pembangunan sosial dan ekonomi (Normah dan Ain, 2021). Sukarelawan merupakan individu atau kumpulan dalam sesebuah masyarakat yang menjalankan aktiviti secara bebas untuk memberi manfaat kepada orang lain tanpa meminta sebarang bentuk balasan.

Konsep kesukarelawanan merupakan suatu nilai universal dan mekanisme penting dalam membina masyarakat yang penyayang, prihatin dan bertanggungjawab (N.K.Tharshini dan Fauziah, 2019). Penglibatan golongan sukarelawan dalam pelbagai aktiviti iaitu perkhidmatan sosial, pemuliharaan alam sekitar, pendidikan, kerja amal, penyelidikan, dan pelbagai aspek bergantung kepada minat dan bakat mereka. Antara contoh aktiviti kesukarelawanan ialah penyediaan pelbagai kemudahan kebajikan seperti pakaian, tempat mandi, tempat istirahat dan aktiviti rekreasi, penyediaan makanan bagi golongan yang memerlukan. Teras kesukarelawanan dalam Islam ialah perintah menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran bertujuan mempertahankan keyakinan umat Islam. Ia melibatkan tindakan perjuangan untuk menyebarkan kebenaran dengan niat yang murni untuk Allah dan sesuai dengan ajaran yang telah diperintahkan. Lebih daripada itu, ia menjadi sebuah keyakinan yang dipegang teguh dan diamalkan secara berterusan dan konsisten (Firman Ali, 2023).

Pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan dalam masyarakat memerlukan komitmen tenaga dan dana. Kekurangan tenaga sukarelawan dan dana sedikit sebanyak membataskan pelaksanaan kerja-kerja kesukarelawanan sebagai contoh program Dapur Jalanan Kuala Lumpur (DJKL) yang hanya mampu menyediakan makanan pada setiap hari Ahad sahaja kerana sumber kewangan dan tenaga manusia yang terhad (Syafiq Sham et. al, 2021).

Semangat kesukarelawanan perlu digilap dalam diri para belia supaya mekar subur bersama masyarakat moden. Pengisytiharan Tahun Sukarelawan Negara semenjak 2009 menandakan pentingnya bidang kesukarelawanan bagi melahirkan golongan pelapis negara yang lebih prihatin, saling membantu dan mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan belia berbilang kaum di Semenanjung Malaysia (Tuan Pah Rokiah & Lilah Yasin, 2017). Peranan sukarelawan dalam komuniti penting untuk membina komuniti yang lebih kuat, mampan, dan mesra sosial. Usaha yang dilaksanakan membawa manfaat yang nyata kepada individu dan komuniti, serta membantu mencipta perubahan positif dalam masyarakat.

Program pengkaderan sukarelawan perlu membekalkan aspek pendidikan agama iaitu mempunyai pemahaman yang kukuh tentang nilai-nilai agama, ajaran-ajaran, dan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan dakwah masyarakat. Kemahiran komunikasi yang berkesan sangat penting dalam dakwah masyarakat. Sukarelawan perlu belajar cara berkomunikasi dengan baik, mendengar dengan empati, dan memberikan jawapan yang jelas dan sopan kepada pertanyaan atau keraguan (Normah & Siti Nurziana, 2021). Sukarelawan memberikan pembentangan atau ceramah kepada kumpulan atau individu. Program pengkaderan sukarelawan dapat membantu untuk membangunkan kemahiran pembentangan, termasuk cara menyusun kandungan pembentangan dengan berkesan. Sukarelawan juga harus memahami budaya dan konteks tempatan semasa melakukan dakwah. Ini merangkumi pemahaman tentang tradisi, norma sosial, dan keperluan masyarakat yang mereka khidmati. Sukarelawan juga hendaklah dilatih dalam kemahiran sosial seperti empati, kepekaan terhadap keperluan orang lain, dan cara mengatasi konflik secara konstruktif (Siti Nathrah dan Fuziah, 2020). Ini dapat membantu mereka membina hubungan yang baik dengan komuniti yang mereka khidmati. Program pengkaderan boleh membantu memperkuat nilai-nilai asas yang dianut oleh sukarelawan, seperti kejujuran, kesetiaan, integriti, dan komitmen terhadap misi dakwah. Ini akan membantu menjaga kualiti dan integriti dakwah

(Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin, 2013). Program pengkaderan turut merangkumi modul kemahiran pengurusan waktu agar dapat menguruskan masa secara cekap, penting untuk mempunyai sistem penilaian dan maklum balas yang terstruktur untuk mengukur perkembangan sukarelawan dan memberikan maklum balas yang membina, dapat membantu sukarelawan terus memperbaiki kemahiran dan kualiti pelaksanaan dakwah dan memberi sokongan dan bimbingan berterusan (Normah & Siti Nurziana, 2021). Program pengkaderan harus mencakupkan mekanisme pemantauan dan sokongan yang membolehkan mereka mendapatkan bantuan jika mereka menghadapi cabaran atau soalan yang kompleks. Sukarelawan yang ingin berperanan sebagai pemimpin dalam dakwah, program latihan perlu merangkumi pembangunan kepimpinan dan kemahiran pengurusan. Adalah menjadi keutamaan untuk merancang program pengkaderan yang sesuai dengan matlamat dakwah masyarakat dan keperluan sukarelawan. Setiap komuniti atau organisasi dakwah mungkin mempunyai keperluan yang berbeza. Program harus disesuaikan dengan konteks dan matlamat yang khusus. Selain itu, kesinambungan program pengkaderan dan latihan yang berterusan adalah kunci untuk mengekalkan kualiti dan kesan sukarelawan dalam berdakwah kepada masyarakat (Siti Nathrah dan Fuziah, 2020).

Aktiviti kesukarelawan dalam masyarakat sesuai menjadikan institusi masjid sebagai *one stop centre*. Ini kerana masjid adalah institusi pendidikan yang paling hampir dengan masyarakat. Institusi masjid bukan sekadar lokasi untuk melaksanakan ibadah, tetapi juga merupakan pusat pembelajaran agama yang menjadi tempat rujukan utama dalam hal keagamaan (Nor Azlina et al., 2016). Ia juga berfungsi sebagai agen sosial yang aktif dalam masyarakat, mengumpulkan para cendekiawan agama untuk menyebarkan ajaran Islam. Rasulullah saw meletakkan keutamaan pembinaan masjid sebagai salah satu langkah strategik dalam pembangunan masyarakat dan negara (al-Buti, 1988). Institusi masjid berperanan dalam usaha membangunkan ummah yang cemerlang memandangkan hubungan masyarakat Islam dan masjid tidak boleh dipisahkan kerana saling berkait dan saling memerlukan (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2019). Ini menjadikan institusi masjid sangat sesuai menjadi platform untuk menyalurkan bimbingan secara langsung kepada sukarelawan masyarakat (Nor Azlina et al., 2016). Dalam menzahirkan fungsinya, institusi masjid berperanan membangunkan pasukan sukarelawan masyarakat era kotemporari melalui pemeraksanaan peranan masjid sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keislaman, menyusun struktur kerja masjid dan imam yang ideal, pusat kebajikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat (ICT), pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak, nadi ekonomi dalam masyarakat setempat, pusat penginapan pelancong Islam dan mesra orang kelainan upaya (OKU) serta muafak dan non muslim. Masjid juga merupakan institusi yang memainkan peranan secara menyeluruh dalam masyarakat sebagai pusat ibadah, pusat penyebaran ilmu dan maklumat, pusat pentadbiran, pusat pembangunan sosio-ekonomi serta aktiviti yang melibatkan komuniti dan masyarakat (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2019).

Sukarelawan berperanan membina komuniti yang inklusif dan perkasa. Usaha sukarelawan meliputi penglibatan dalam program pembangunan, bimbingan dan pemuliharaan alam sekitar, mewujudkan persekitaran yang lebih baik untuk masyarakat. Pelaksanaan program pengkaderan sukarelawan masjid boleh disesuaikan dengan keperluan dan konteks masjid dan masyarakat. Penglibatan golongan sukarelawan dalam pelaksanaan tanggungjawab yang besar ini sudah pasti memerlukan persediaan dan kompetensi tinggi (Normah & Siti Nurziana, 2021). Sehubungan itu, program pengkaderan sukarelawan penting untuk membekalkan pengetahuan dan latihan bagi melahirkan sukarelawan yang

berkemahiran, berdedikasi, dan mampu memainkan peranan aktif dalam menyokong aktiviti masjid dan meningkatkan kualiti masyarakat (Normah & Ain Zahirah, 2021). Artikel ini bertujuan mengemukakan strategi pengkaderan sukarelawan masjid bagi memperkasakan usaha dakwah komuniti.

2. Metodologi

Strategi pengkaderan sukarelawan masjid dibangunkan menerusi pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan (*Design & Developmental and Research*). Pendekatan *Design & Developmental and Research* (DDR) dilaksanakan melalui proses yang sangat teratur dan bersistematik meliputi tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan serta penilaian. Pembinaan strategi pengkaderan sukarelawan masjid ini diperolehi melalui perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*) bagi fasa satu, perbincangan meja bulat (*round table discussion*) bagi fasa dua, penilaian pakar bagi fasa tiga.

Pada fasa pertama iaitu perbincangan kumpulan fokus dilakukan bersama wakil Ngo Islam serta ahli akademik bertujuan membuat tinjauan sebagai asas dalam menentukan keperluan strategi (Mohd Ridhuan & Nurul, 2020). Fasa ini penting dan pandangan kumpulan dijadikan asas penting terhadap keperluan dan spesifikasi pembentukan strategi. Fasa kedua iaitu perbincangan meja bulat dilaksanakan bersama seramai 10 orang golongan ahli akademik dalam kerja sosial, pendidikan, dakwah dan aktivis *non-profit organization* (Ngo) serta komuniti berpengalaman serta berkepakaran. Menurut Ghazali & Sufean (2018), fasa ini memerlukan pemilihan pakar berasaskan kepakaran dalam konteks kajian Fasa ketiga adalah penilaian pakar rujuk terhadap strategi pengkaderan yang dikemukakan. Fasa penilaian pelan ini melibatkan seramai 5 orang panel yang berkepakaran sebagai pakar rujuk. Pakar rujuk yang membuat penilaian strategi ini adalah aktivis masyarakat dan Ngo, ahli akademik dan ilmuan Islam iaitu Profesor Emeritus dalam bidang pemikiran Islam, Profesor dalam bidang pendidikan, Profesor Madya dalam bidang tafsir, Profesor Madya dalam bidang syariah dan mufti. Bilangan pakar ini mencukupi merujuk Van de Ven & Delbecq (1971) berkaitan jumlah bilangan pakar iaitu adalah seramai 5 hingga 9 orang.

3. Dapatan Dan Perbincangan

Perbincangan seterusnya mengemukakan dapatan berkaitan strategi pengkaderan sukarelawan masjid. Hasil kajian mengemukakan lima belas (15) strategi yang telah disepakati oleh kumpulan pakar bagi strategi pengkaderan sukarelawan masjid untuk mengupayakan usaha dakwah komuniti. Berikut adalah strategi yang disepakati mengikut keutamaan iaitu :

3.1 Latihan Kemahiran Sukarelawan

Latihan kemahiran penting diberikan kepada golongan sukarelawan dalam pelaksanaan aktiviti dakwah komuniti. Menurut Jain (2015), budaya dapat memberikan pengaruh positif terhadap keberkesanan dan kesinambungan komitmen individu. Sebaliknya, jika budaya setempat tidak diraikan ia boleh menjejaskan aktiviti yang dilaksanakan bersama komuniti seperti aktiviti dakwah dan kesukarelawan (Intan et al., 2022). Organisasi sukarelawan

dakwah juga perlu bersiap sedia dengan segala ilmu yang berkaitan khususnya budaya dan pantang larang masyarakat setempat sebelum menjadi duta yang akan menjadi muka hadapan kepada agama Islam.

Malaysia ialah sebuah negara majmuk yang terdiri daripada masyarakat berbilang agama, etnik dan budaya. Hal ini telah melahirkan kepelbagaian dalam ideologi, nilai dan budaya hidup masyarakat Malaysia (Smith, J. 2019). Justeru, pengetahuan dan kemahiran sukarelawan berkaitan ideologi dan budaya setempat penting semasa melaksanakan aktiviti kesukarelawanan. Kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan dilihat relevan dengan gerakan dakwah dan kesukarelawanannya bergerak secara universal dan berpaksikan akidah ahli sunnah wal jamaah serta syariat yang berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah tanpa melihat kepada perbezaan bangsa dan etnik (Smith, J., 2021). Ideologi memainkan peranan yang besar dalam gerak kerja individu. Ideologi yang baik melahirkan tingkahlaku yang baik dan begitu juga sebaliknya. Aktiviti kesukarelawanan sebagai misalnya merupakan hasil dorongan oleh nilai-nilai budaya, ideologi, prinsip dan tradisi (Muhamad & Alauddin, 2013). Menurut Vantilborgh et. al. (2014), sekiranya keperluan ideologi seseorang yang melakukan kerja sukarelawan untuk mana-mana organisasi tidak dipenuhi dalam jangka masa yang lama, ia boleh mengakibatkan kelesuan (*burnout*) dan kehilangan para sukarelawan dalam organisasi tersebut.

Kualiti sukarelawan sangat perlu diberi perhatian dalam perancangan aktiviti sukarelawan dakwah antaranya aspek profesionalisme iaitu ilmu pengetahuan, asas kemahiran dakwah dan disiplin. Ini penting bagi membolehkan sukarelawan memahami perkara-perkara asas berhubung dengan skop kerja, matlamat organisasi, mengenal pasti kelompok sasaran, pihak-pihak yang terlibat dalam kerja sukarela, harapan dan sasaran pencapaian, kekangan-kekangan yang dihadapi dalam kesukarelawanan, prinsip dan sikap yang perlu dimiliki oleh sukarelawan, hak-hak sukarelawan dan sebagainya (Normah & Siti Nurziana, 2021). Aspek turut perlu diberi perhatian oleh badan penggubal dasar dakwah, badan sukarelawan dakwah dan para sukarelawan dakwah sendiri.

3.2 Kempen Sertai Sukarelawan

Selain aspek kualiti tenaga sukarelawan, strategi pengkaderan turut perlu melihat kepada aspek kuantiti. Strategi menerusi kempen serta motivasi boleh diaplikasi bagi menarik penyertaan anggota masyarakat untuk menawarkan diri sebagai sukarelawan. Kajian Siti Nathrah dan Fuziah (2020) mengemukakan bahawa keterlibatan sukarelawan dalam pelaksanaan aktiviti sukarela tidak dapat dicapai tanpa pengaruh motivasi. Sukarelawan yang bermotivasi mempunyai minat dan komitmen yang tinggi terhadap kerja-kerja sukarela. Komitmen tersebut kebiasaannya dizahirkan melalui kerja-kerja kesukarelawan yang dilakukan secara bersungguh-sungguh.

Usaha menarik generasi muda untuk menjadi sukarelawan dan mengekalkan keterlibatan mereka adalah antara isu yang sangat penting. Kajian Norehan (2018) mengemukakan permasalahan dalam isu kesukarelawanan ialah kekurangan penyertaan sukarelawan yang aktif dalam menyertai sebarang aktiviti sukarela yang dijalankan. Sejarar itu kajian Normah dan Siti Nurziana (2021), mencadangkan usaha untuk melibatkan individu dalam aktiviti sukarelawan adalah melalui pelaksanaan kempen dan iklan yang menarik, memastikan keperluan dan kepuasan sukarelawan diberi keutamaan, menggunakan pengaruh sosial dari dalam lingkungan individu seperti keluarga dan rakan-rakan, menerapkan pendekatan yang sesuai, mencari penyelesaian untuk mengatasi sebarang

rintangan, dan memanfaatkan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, atau Twitter.

3.3 Pengiktirafan Sukarelawan

Pengiktirafan ini penting untuk menjamin keberkesanan dan kesan positif dalam usaha dakwah yang dijalankan oleh sukarelawan dakwah (Normah & Siti Nurziana, 2021). Kajian Normah dan Siti Nurziana (2021) ini menunjukkan sebilangan besar responden iaitu melebihi 80% bersetuju bahawa aspek pengiktirafan perlu diberi perhatian oleh pengurusan sukarelawan bagi memastikan pengekalannya dalam aktiviti kesukarelawan. Usaha memberi kesedaran dan suntikan motivasi boleh diusahakan bertujuan menarik lebih ramai ahli komuniti untuk menyertai pasukan sukarelawan. Pengiktirafan terhadap sumbangan sukarelawan adalah faktor penting dalam memelihara motivasi dan kepuasan mereka. Tanpa pengiktirafan, sukarelawan mungkin kehilangan motivasi (Siti Nathrah dan Fuziah, 2020).

3.4 Tadbir Urus Yang Baik

Sukarelawan perlu bijak mengurus diri dan masa yang seimbang bagi menjayakan kerja kesukarelawan. Walau bagaimanapun timbul cabaran untuk komited terhadap kerja sukarela apabila sukarelawan berhadapan dengan tuntutan kerjaya hakiki dan rumahtangga bagi sukarelawan wanita (Siti Nathrah & Fuziah, 2020). Selaras dengan kajian Che Fazilah & Shaffie (2020) yang mendapati faktor kerjaya adalah antara cabaran kepada sukarelawan untuk terus menjalankan aktiviti sukarela ekoran kekangan masa kerana kesibukan dengan kerja. Tahap cabaran ini adalah berbeza berdasarkan jantina. Kajian Fauziah et. al, (2015) mendapati analisis korelasi dalam penglibatan dan motivasi sukarelawan menunjukkan hubungan yang signifikan antara motivasi untuk menjadi sukarelawan dengan faktor jantina. Sebaliknya, kajian Norehan (2018) mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan dari segi tahap penglibatan sukarelawan berdasarkan faktor demografi jantina, status perkahwinan, kawasan tempat tinggal, bangsa, kategori umur, pekerjaan dan pendapatan bulanan. Kajian Norehan (2018) ini mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dengan faktor peribadi (kepercayaan agama, sifat altruisme dan perasaan belas kasihan), faktor pengaruh sosial (pengaruh ibu bapa dan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh media massa) serta faktor karakteristik pertubuhan sukarela (pihak kepimpinan dan pengurusan sukarelawan, insentif dan reputasi)

3.5 Tabung Saluran Dana Aktiviti Sukarelawan

Strategi pengkaderan seterusnya ialah menyediakan tabung bagi penyaluran dana aktiviti kesukarelawan. Ini kerana kekangan yang lazim dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti kesukarelawan dakwah ialah kekurangan dana kewangan bagi menampung kos tenaga penggerak dalam pelaksanaan aktiviti dakwah dirancang. Gerak kerja kesukarelawan dakwah yang dirancang dalam tempoh yang panjang dan berskala besar memerlukan pendanaan yang besar serta tenaga sukarelawan kerja yang bersifat tetap. Sebaliknya, kekangan kekurangan dana dan sumber tenaga akan menyumbang terhadap ketidaklancaran aktiviti kesukarelawan yang dilaksanakan (Mohd Alif Jasni et al., 2020). Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau sebarang pertubuhan sukarelawan mestilah berdaftar dengan Jabatan

Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Ini bertujuan menjamin pengurusan yang profesional dan imej yang berkredibiliti di mata masyarakat bahkan mampu mengukuhkan lagi struktur pentadbiran seperti dapat melaksanakan sistem pelepasan cukai korporat dan mengelakkan daripada berlakunya penipuan dana sumbangan (Syafiq Sham et al., 2021).

3.6 Jaringan Kerjasama

Jaringan atau gabungan kerjasama adalah antara strategi pengkaderan yang penting dititikberatkan. Penyelarasan terhadap tugas kesukarelawan perlu dikoordinasi agar tugas dakwah dapat dijalankan secara profesional dan menyeluruh serta tidak tertumpu di kawasan tertentu atau kekerapan program hanya tertumpu pada satu-satu lokasi tertentu sahaja. Menurut Amiratul Munirah, Noorul Huda dan Shofiyyah (2021), penyelarasan tugas kesukarelawan ini berkait rapat dengan pengurusan komunikasi antara sesama ahli dalam organisasi yang sama ataupun yang bersifat inter organisasi yang melibatkan organisasi lain. Ini menuntut kepada koordinasi yang baik supaya tidak berlaku pertindihan kerja dalam lokasi yang sama dan lambakan bahan bantuan yang ingin disumbangkan kepada pihak penerima bantuan. Jika perkara ini tidak diberi perhatian, ia memperlihatkan ketidaksepakatan antara organisasi dalam menjayakan sesuatu misi kesukarelawan. Syafiq Sham et. al (2021) berpandangan bahawa sukarelawan dari segi istilah membawa maksud yang baik iaitu bertujuan membimbing masyarakat namun jika perlaksanaannya tidak diurus dengan baik serta mempunyai matlamat yang jelas ianya akan mengeruhkan lagi masalah dalam masyarakat tersebut. Institusi masjid perlu mempunyai strategi pengkaderan yang berkesan dan memastikan para sukarelawan terus termotivasi untuk terlibat dalam jangka masa yang panjang.

3.7 Pusat Pengurusan Sukarelawan

Institusi masjid boleh berperanan sebagai *one stop centre* dalam pengurusan aktiviti kesukarelawan dakwah dalam komuniti. Sorotan sejarah berkaitan penubuhan institusi masjid oleh Rasulullah saw memberikan tasawwur berkaitan pelbagai peranan masjid antaranya sebagai tempat melaksanakan ibadah, tempat pertemuan kaum muslimin, tempat serta agen sosial (Nor Azlina et al., 2016). Kepelbagaian peranan institusi masjid ini menjadikan institusi masjid sesuai dijadikan sebagai *one stop centre* oleh komuniti masyarakat sekitar masjid. Beberapa strategi yang perlu dilakukan oleh organisasi sukarela untuk menarik penyertaan individu menyertai kumpulan sukarelawan. Kelestarian program sukarelawan yang berterusan adalah satu tindakan yang perlu diberi perhatian. Organisasi perlu mempunyai perancangan untuk memastikan program sukarelawan tidak hanya berjalan sebentar tetapi berterusan dalam jangka masa panjang.

3.8 Keperluan Membina Model

Satu model perlu dibina sebagai panduan kepada ahli jawatankuasa masjid dalam pelaksanaan aktiviti kesukarelawan dalam komuniti. Kajian Norehan (2018) mendapati bahawa di Malaysia, kajian mengenai kesukarelawan dilihat masih kurang dijalankan dan diberi perhatian terutamanya dari perspektif psikologi positif dan aspek kesannya kepada golongan masyarakat. Kekurangan sumber dari segi khazanah ilmu rujukan ini menyebabkan aktiviti sukarela yang dijalankan kurang mendapat perhatian dan masyarakat

juga gagal memahami konsep dan fakta sebenar mengenai sesuatu aktiviti sukarela yang dijalankan. Komponen utama yang perlu diambil kira dalam pengisian pembinaan model ialah peranan pihak pengurusan masjid dan ahli jawatankuasa masjid, anggota komuniti serta golongan sukarelawan.

3.9 Sistem Data Sukarelawan

Sistem data sukarelawan sangat penting diwujudkan bertujuan memudahkan golongan aktivis masyarakat mendapatkan sumber rujukan. Satu sistem yang menyimpan data sukarelawan merupakan antara strategi utama yang diusulkan oleh golongan pakar. Selain itu, kewujudan sistem data ini dapat mengelakkan pertembungan kumpulan sukarelawan yang dihantar pada tarikh yang sama dan dilokasi yang sama. Sejalan dengan kajian Siti Raba'ah et. al (2018) mendapati profil sukarelawan belia sukar diperolehi. Kekurangan maklumat mengenai profil sukarelawan telah mengakibatkan kelewatan sumbangan tenaga ketika bencana, kerugian sumber yang berharga dan bantuan tidak dapat disalurkan (Mohd Zulhafiz Said et. al, 2013). (Norehan Abdul Rahman, 2018)

3.10 Penubuhan Jawatankuasa Pemantau Aktiviti Kesukarelawan

Program dan aktiviti kesukarelawan yang dirancang memerlukan jawatankuasa pemantau sepanjang pelaksanaannya. Ini sejajar dengan kajian Normah dan Siti Nurziana (2021) yang menekankan kepentingan pertubuhan sukarela menekankan kepentingan aspek perancangan program yang baik dan sokongan untuk mengekalkan sukarelawan dalam aktiviti sukarelawan. Sehubungan itu, penubuhan jawatan kuasa pemantau bagi pelaksanaan aktiviti kesukarelawan penting bagi menjamin kelancaran pelaksanaannya. Sejalan dengan penemuan kajian Normah dan Siti Nurziana (2021) bahawa cara pengurusan organisasi sukarelawan mempengaruhi komitmen sukarelawan dalam aktiviti kesukarelawan.

Organisasi sukarelawan dakwah berhadapan dengan cabaran keselamatan diri sukarelawan ketika menjalankan aktiviti kesukarelawan. Golongan sukarelawan terdedah kepada pelbagai situasi dan bentuk bencana seperti aktivis yang terlibat dalam dakwah masyarakat Orang Asli yang terletak di kawasan pedalaman seperti di Pahang berhadapan dengan perjalanan yang sukar dan mencabar (Asmadi & Ramlan, 2020). Realitinya kawasan pedalaman seperti itu hanya boleh dilalui melalui laluan kayu balak sahaja untuk sampai ke destinasi malahan ada kawasan yang hanya boleh diakses melalui laluan pejalan kaki seperti di Kampung Orang Asli Chenan Cherah, Pahang. Ia juga dikenali sebagai cabaran mobiliti malah menjadi lebih mencabar jika melibatkan pendakwah wanita melainkan program tersebut melibatkan pergerakan berkumpul (Amiratul Munirah, Noorul Huda & Shofiyah, 2021). Kajian Nur Hafizah et. al (2020) mengklasifikasi keselamatan diri sukarelawan kepada tiga aspek iaitu kecederaan, infeksi dan keletihan. Kecederaan lazimnya melibatkan kebakaran, kejutan elektrik, serpihan kaca dan sebagainya. Manakala infeksi berpunca daripada penyebaran kuman. Keletihan pula berlaku jika tidak mendapat tidur yang cukup ketika melakukan operasi yang mengakibatkan kekurangan tenaga.

Isu kesejahteraan mental sukarelawan, terutama saat mereka terlibat dalam situasi yang mencabar seperti bencana atau krisis, merupakan aspek penting dalam pengurusan sukarelawan dalam organisasi (Nur Hafizah et al., 2020). Sukarelawan seringkali berhadapan dengan tekanan emosi dan psikologi yang tinggi dalam konteks semacam ini. Memastikan kesejahteraan mental mereka adalah tanggung jawab organisasi sukarelawan

(Intan et al., 2022). Isu-isu undang-undang dan etika yang berkaitan dengan penggunaan khidmat sukarelawan, seperti perlindungan hak dan tanggungjawab undang-undang, perlu diberi perhatian yang serius (Nur Hafizah et al., 2020).

3.11 Penyediaan Latihan Bermodul/Sijil

Penyediaan latihan bermodul atau bersijil merupakan antara strategi dalam pengkaderan sukarelawan masjid yang dikemukakan. Program pengisian boleh dirangka meliputi aspek pembangunan elemen fizikal dan spiritual para sukarelawan. Ini sejajar dengan usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang melaksanakan Program V2i yang dijalankan dengan lebih tersusun melalui bantuan modul sukarelawan yang disediakan. Sebelum menyertai program V2i, pelajar universiti menjalani latihan terlebih dahulu untuk memastikan mereka mempunyai kemahiran yang sesuai dengan kumpulan sasar yang berkaitan (Intan et al., 2022).

Nilai profesionalisme ini menjadi tonggak kepada kejayaan dan keberkesanan sesuatu aktiviti sukarelawan dakwah yang dijalankan. Al-Saadi (2018) menekankan bahawa profesionalisme sukarelawan dakwah adalah penting dalam mempromosikan nilai-nilai Islam. Hassan (2020) menyatakan bahawa aspek profesionalisme, termasuk persediaan ilmu pengetahuan dan kemahiran dakwah adalah kritikal dalam meningkatkan keberkesanan aktiviti sukarelawan dakwah. Selain itu, disiplin adalah aspek penting dalam memastikan golongan sukarelawan dakwah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang. Tahap profesionalisme yang dimiliki oleh golongan sukarelawan membolehkan sukarelawan diiktiraf oleh komuniti.

3.12 Program Pengisian Spiritual

Penciptaan manusia berasal daripada dua unsur utama iaitu ruh dan jasad. Keseimbangan manusia memerlukan keseimbangan aspek spiritual dan fizikal (Emie Sylviana Mohd Zahid, 2019). Aspek spiritual melibatkan kepercayaan manusia terhadap aspek keimanan kepada Allah SWT, aspek amalan dan aspek akhlak seseorang (Mohd Suhardi Mat Jusoh & Mohd Farid Mohd Sharif, 2018). Selaras dengan dapatan kajian Muhajir Ab Rahim (2023) mendapati bahawa tingkah laku seseorang manusia merupakan interpretasi aspek spiritual yang dimiliki oleh seseorang. Oleh itu, penganjuran program pengisian spiritual sangat penting dimiliki.

3.13 Menggunakan Media Sosial Terkini

Majoriti manusia hari ini menjadikan media sosial menjadi saluran maklumat pilihan pada masa kini. Kajian Mohd Yusri (2017) mendapati komunikasi media adalah salah satu faktor yang boleh mempengaruhi penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelaan dalam komuniti. Golongan sukarelawan perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran penggunaan media sosial hari ini.

3.14 Mewujudkan Ikon Sukarelawan

Kewujudan ikon sukarelawan merupakan satu penghargaan dan strategi pengkaderan efektif bagi menarik minat serta penyertaan lebih ramai ahli komuniti menyertai pasukan sukarelawan masjid. Ini bertepatan dengan kajian Mardhiah Mawar Kembaren & A.Halim Ali (2020) yang mendapati ikon mempengaruhi pembentukan sikap dan hala tujuan kehidupan seseorang.

3.15 Mewujudkan Pelapis Sukarelawan

Mewujudkan barisan pelapis sukarelawan adalah strategi pengkaderan efektif bagi menarik minat serta lebih ramai ahli komuniti yang menyertai pasukan sukarelawan masjid. Usaha ini secara tidak langsung dapat menyediakan golongan pelapis yang bakal menyambung aktiviti kesukarelawan dakwah dalam komuniti. Kajian Syafiq Sham et. al (2021) mengemukakan cadangan pelaksanaan *pool volunteer* bagi meningkatkan penyertaan sukarelawan tetap dan bekerjasama dengan persatuan-persatuan universiti supaya dapat mengembangkan lagi budaya kesukarelawan.

Setiap komuniti mempunyai isu-isu khas yang perlu diberi rumpuan seperti alam sekitar, pendidikan, kesihatan, atau pemeliharaan budaya. Tindakan memahami dan menangani isu-isu seperti ini adalah penting bagi memastikan golongan sukarelawan dapat berperanan secara berkesan dalam menyokong usaha pemeraksanaan masyarakat dan mencapai matlamat organisasi atau projek dengan cemerlang.

Rajah 1 berikut adalah lima belas strategi pengkaderan sukarelawan masjid.

Rajah 1: Strategi Pengkaderan Sukarelawan Masjid



4. Penutup

Masjid berperanan sebagai institusi penting dalam pembangunan komuniti. Usaha dakwah komuniti dapat digerakkan melalui komitmen golongan sukarelawan. Institusi masjid relevan menjadi *one stop center* bagi pelaksanaan program pengkaderan sukarelawan serta aktiviti-aktiviti kesukarelawan. Strategi pengkaderan sukarelawan masjid yang dikemukakan boleh dijadikan asas dan panduan sebagai pelan penyediaan golongan sukarelawan masjid bagi pemeraksanaan usaha dakwah dalam komuniti.

5. Penghargaan

Penghargaan kepada pihak Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Pelan Pembangunan Dakwah Negara (PPDN).

6. Rujukan

- Asmadi, & Ramlan. (2020). Cabaran Pelaksanaan Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli Oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal Of Islamic Studies*, 42(Isu Khas), 59–67. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-42IK-08>
- Al-Buti. (1988). *Fiqh Al-Sirah*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Saadi, A. (2018). The Role of Volunteerism in Promoting Islamic Values. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 6(2), 22-28.
- Amiratul Munirah Yahya, Noorul Huda Sahari & Shofiyyah Moidin (2021), Partisipasi Wanita dalam Kesukarelawan terhadap Masyarakat Sivil: Isu dan Cabaran, dalam Makmor Tumin, Sharifah Hayaati Syed Ismail & Mazlan Che Soh (Editor), *Islam dan Dinamika Masyarakat Sivil Di Malaysia*. halaman 207-323. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing Into The Oracle: The Delphi Method And Its Application To Social Policy And Public Health*. London: Jessica Kingsley Publishers.
- Azizan Bahari. (2006). *Menjadi Sukarelawan*. Kangar: Pustaka Qarya Sdn. Bhd.
- Emie Sylviana Mohd Zahid. (2019). Pembangunan Spiritual: Konsep Dan Pendekatan Dari Perspektif Islam. *E-Journal Of Islamic Thought And Understanding*, 2(October), 64–87.
- Fauziah Ibrahim, Aizan Sofia Amin & Tharshini A/P Sivabalan. (2015) Penglibatan Dan Motivasi Kesukarelawan: Kearah Memupuk Semangat Kesukarelawan Dalam kalangan Mahasiswa. *e-Bangi - Vol. 10, No. 1*. 084-096, Available from: https://www.researchgate.net/publication/281459019_Penglibatan_Dan_Motivasi_Kesukarelawan_Ke_Arah_Memupuk_Semangat_Kesukarelawan_Dalam_Kalangan_Mahasiswa [akses Sep 28 2023].
- Firman Ali. (2023). Representasi Al Qur ' An Surah Al-Imran : 104. *Journal Of Islamic Studies And Humanities*, 3(2), 1–17.
- Intan, Aisyah, Mohamad Basri, Muhammad Ridhwan, & Latun. (2022). Peranan Aktiviti Sukarela Dalam Memupuk Kemahiran Insaniah Mahasiswa. *Jurnal Perspektif*, 14, 67–80.
- Mardhiah Mawar Kembaren, & A.Halim Ali. (2020). Deskripsi Peranan Dua Ikon Membentuk Keperibadian Dan Hala Tuju Kehidupan Arena Wati Dalam Teks`Endateks`Endagulingkù. *PENDETA Journal Of Malay Language, Education And Literature Jilid*, 11(1), 33–45.
- Mohd Alif Jasni, Norruzeyati, & Mohd Nazri. (2020). Strategi Komunikasi Dengan Gelandangan Semasa Pandemik COVID-19: Pengalaman Sukarelawan Sepanjang Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Di Malaysia. *Forum Komunikasi (FK)*, 15(1), 57–91. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42139/%0Ahttps://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42139/1/42139.pdf>
- Mohd Suhardi Mat Jusoh, & Mohd Farid Mohd Sharif. (2018). Pembangunan Spiritual Dalam Pelaksanaan Program Tarbiah Di Asrama Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang. *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 20(2), 127–158.
- Muhammad Talhah, & Ahmad Marzuki. (2019). Masjid Medium Pendidikan Melahirkan Masyarakat Modal Insan Bertaqwa. *Seminar Serantau Pendidikan Islam*, 18-19

- Februari, 12–27.
https://www.researchgate.net/publication/341233142_Masjid_Medium_Pendidikan_Melahirkan_Masyarakat_Modal_Insan_Bertaqwa
- Mohamad Basri Jamal, Khairul Gufran Kaspin, Norshahrul Marzuki Mohd Nor, Mazdi Marzuki, Muhammad Hasbi Abdul Rahman & Habibah @ Artini Ramlie (2021), Keberkesanan Pendidikan Kesukarelawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ke Arah Memperkasakan Nilai-Nilai Insaniah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 6(39), 208-222.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh & Ahmad Ariffin Sapar (2017), Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan. Bangi: Minda Intellect Agency.
- Mohd Ridhuan & Nurul, (2020). *Kepelbagaian Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan*. Shah Alam: Qaisar Prestige Resources.
- Muhamad, T. A., & Alauddin, A. N. M. (2013). Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Tahap Kepuasan Diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38 (2), 51, 59.
- Mohd Yusri Ibrahim. (2017). Pengaruh Amalan Komunikasi Terhadap Penglibatan Belia Dalam Kesukarelawanan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 13 issue 4 (80-92).
- N.K Tharshini & Fauziah Ibrahim, (2019), Pembudayaan Kesukarelawanan dalam Kalangan Masyarakat: Satu Kajian Ulasan Sistematis, *Journal of Human Capital Development*, 12(2): 43-52.
- Nor Azlina, Norafifah, & Norajila. (2016). Pemerksaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *E-Academia Journal Uitm*, 5(2), 219–229.
- Norehan Abdul Rahman. (2018). *Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Diri Golongan Awal Dewasa Di Kedah*. Universiti Sains Malaysia.
- Normah Awang Noh & Ain Zahirah Mohd Zahid. (2021). Manfaat Penglibatan Dalam Kesukarelawanan Terhadap Pembangunan Kemahiran dan Sosial Dalam Kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration* 2021, 15, 67-84
- Normah Awang Noh & Siti Nurziana M.Z. (2021). Amalan Pengurusan Pertubuhan Sukarela: Isu Pengekalan Mahasiswa Dalam Aktiviti Sukarelawan. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(3), 120-128 (Available from: https://www.researchgate.net/publication/362704676_Amalan_Pengurusan_Pertubuhan_Sukarela_Isu_Pengekalan_Mahasiswa_Dalam_Aktiviti_Kesukarelawanan_Management_Practices_Of_Volunteer_Organisations_Retention_Of_Students_In_Volunteer_Activities [accessed Sep 28 2023]).
- Nur Hafizah, Azlinda, & Noremy. (2020). Kesan Bencana Terhadap Kesihatan Dan Keselamatan Sukarelawan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 2019–2020.
- Siti Nathrah Dan Fuziah. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan Dalam Menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Literatur *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23, 25–38. <https://doi.org/10.32890/jps2020.23.2>
- Tajul Arifin Muhamad, & Aishah Nadirah Mohd Alauddin. (2013). Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Tahap Kepuasan Diri. 38(2), 51–59.

- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, & Noranizah Yusuf. (2012). FAKTOR Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari, Edisi Khas*, 155–172.
- Nur Hafizah Md Akhir, Azlinda Azman & Noremy Md Akhir (2018), Keperluan dan Kesiapsiagaan Sukarelawan Membantu Mangsa Bencana Alam. *Asian Social Work Journal*. 3(1): 46-54.
- Nur Aina Mohd. Yaakop, Nor Fatin Halim, Mohd Shauqi Musa, Md Rozalafri Johori. (2013). Tekno-Daie: Peranan & Cabaran Daie Di Alam Maya. *Bicara Dakwah Ke 14 anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 8 hb Oktober 2013*.
- Smith, J. (2019). Kepelbagaian dalam Ideologi Malaysia. *Jurnal Kajian Malaysia*, 45(2), 67-81.
- Smith, J. (2021). Peranan Agama Islam dalam Gerakan Dakwah dan Sukarelawan Universal. *Jurnal Dakwah dan Kemanusiaan*, 5(2), 45-60.
- Syafiq Sham, Doris Padmini Selvaratnam, Haziq Fikri Jasni & El Hanis Harun. (2021). Budaya Kesukarelawan dan Keunisham Kuala Lumpur. *Journal of Administrative Science Vol.18, Issue 1, 2021*, pp. 286 – 305.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin, (2016), Belia dan Pembudayaan Semangat Sukarelawan di Malaysia: Suatu Pemerhatian Konseptual, *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9): 161-172 .
- Van de Ven , A., & Delbeco, A., L. (1971). Nominal Versus Interacting Group Processes for Committee Decision-Making Effectiveness. *The Academy of Management Journal*, 14(2), 203.
- Walk, M., Zhang, R., & Littlepage, L. (2019), “Don’t you want to stay?” The Impact of Training and Recognition as Human Resource Practices on Volunteer Turnover. *Nonprofit Management and Leadership*. 29(1): 1-39.